



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Rujukan : JPA.100-1/4/1 (66)

Tarikh : 06 April 2026

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

*YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Seri Panglima/Datuk  
Amar/Datuk/Datuk Wira/Dato',*

## **PEMAKAIAN BAJU BATIK DAN BAJU KORPORAT SEMASA WAKTU BEKERJA**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Seri Panglima/Datuk Amar/Datuk/Datuk Wira/Dato' kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.3 mengenai Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam di bawah perenggan 5, Jadual 1 (iii): Pakaian Pegawai Lelaki Ketika Menjalankan Tugas dan perenggan 8, Jadual 2 (ii): Pakaian Pegawai Wanita Ketika Menjalankan Tugas, pemakaian **baju batik adalah diwajibkan pada setiap hari Khamis dan digalakkan dipakai pada setiap hari bekerja** sebagai alternatif kepada pakaian pejabat.

3. Pemakaian baju korporat pula digariskan di perenggan 13 Ceraian UP.7.2.3 bahawa Ketua Jabatan **boleh membenarkan pegawai memakai baju korporat atau baju kerja lapangan (*field-work*) pada hari tertentu** untuk tujuan tertentu semasa bertugas.

4. Walau bagaimanapun, berikutan **keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 1 April 2026** yang telah menetapkan agar suhu penyaman udara di ruang pejabat Kerajaan diselaraskan kepada suhu minimum **24°C** sebagai langkah penjimatan tenaga, Kerajaan menggalakkan pegawai memakai baju batik mengikut ketetapan Ceraian

UP.7.2.3 sebagaimana dinyatakan di perenggan dua (2) surat ini. Pegawai juga **dibenarkan memakai baju korporat setiap hari kecuali pada hari Khamis**. Namun, ketetapan ini adalah dikecualikan bagi pegawai yang disyaratkan memakai pakaian seragam.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

6. Pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Seri Panglima/Datuk Amar/Datuk/Datuk Wira/Dato', juga diharapkan dapat mengedarkan surat ini kepada semua pegawai dan perlu dibuat hebahan di semua portal rasmi di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

sk.:

Ketua Setiausaha Negara